

## KPDNHEP Perak rampas makanan ringan guna logo halal tanpa kebenaran

MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR  
03 Oktober 2019 5:31 PM



Ravichandran (dua dari kanan) dan Burhanuddin (dua dari kiri) memegang sebahagian produk makanan yang menggunakan logo halal tanpa kebenaran di Kawasan Perindustrian Pengakalan hari ini.

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak dan Jabatan Agama Islam Perak (Jaipk) melakukan satu serbuan di sebuah premis membuat makanan ringan yang menggunakan logo halal tanpa kebenaran di sini semalam.

Dalam serbuan kira-kira pada pukul 12 tengah hari itu, dua syarikat yang beroperasi di alamat sama iaitu di Kawasan Perindustrian Pengakalan tersebut didapati menggunakan logo halal pada setiap bungkusan makanan ringan termasuk keropok dan biskut walaupun tidak mempunyai sijil halal yang sah daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal Jaipk, Burhanuddin Md. Dali berkata, salah satu daripada syarikat berkenaan pernah memiliki sijil halal yang sah namun ia telah tamat tempoh selain tidak memperbaharui sijil halal tersebut.

"Semakan Jaipk mendapati salah satu syarikat berkenaan tidak memperbaharui sijil halal selepas ia tamat tempoh pada 31 Disember 2016 manakala satu lagi syarikat di alamat sama tidak pernah memohon sijil halal namun menggunakan logo halal pada produk mereka.

"Kedua-dua syarikat yang menggunakan logo halal tanpa kebenaran Jakim ini disiasat mengikut Seksyen 16 Akta Perihal Dagangan 2011," katanya pada sidang akhbar di premis berkenaan di sini sebentar tadi.

• Turut hadir, Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Perak, V. Ravichandran.

Menurut Ravichandran, premis tersebut turut disiasat mengikut Peraturan 9(2)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 selepas gagal mengemukakan Permit Menyimpan Barang Kawalan Berjadual ke atas perniagaan yang dijalankan.

"KPDNHEP dalam serbuan ini telah merampas 401 bungkus makanan ringan, 360 kotak dan 91 plastik pembungkus yang mempunyai logo halal.

"Selain itu, sebanyak 1,450 kilogram (kg) gula pasir, tepung gandum (1,225kg), minyak masak (1,054kg) dan 31 tong gas petrolium cecair (LPG) jenis 14 kg telah dirampas dengan nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM41,642.20," katanya.

Katanya, seorang lelaki yang merupakan pemilik syarikat turut ditahan bagi membantu siasatan termasuk mengesan kawasan edaran produk tersebut untuk ditarik balik.

"Seramai 10 pegawai penguat kuasa KPDNHEP dan dua pegawai Jaipk terlibat dalam operasi tersebut dan mereka kini masih menjalankan siasatan bagi mengenal pasti jumlah keseluruhan produk yang dijual mereka," katanya. - K! ONLINE

